

05/06/2001

Apakah tugas sebenar sasterawan?

Azman Hussin

SIRAH Nabawiah merawikan Nabi Muhammad saw turunkan untuk menjadi suri teladan manusia. Kata lainnya, baginda mengajar kebenaran melalui akhlak, peribadi dan perbuatannya, dan ini secara tidak langsung, membatalkan segala resam kejahilan dan kesesatan masyarakat Semenanjung Arab zaman itu.

Untuk memperjelaskan perihal tokoh agung itu, ada banyak contoh lain. Nabi misalnya, menyeru Tuhan itu Esa. Secara tidak langsung, baginda menentang kepercayaan pada ramai dewa, meskipun itu tidak dinyatakannya. Awalnya Nabi tidak menyatakan secara langsung penyembahan masyarakat pada berhala sesat. Sebaliknya, mengisytiharkan kepercayaan Tuhan itu akidah benar.

Nabi Muhammad saw utopia dan idola manusia, dan kerana itu kita seharusnya mengikuti sunahnya.

Tugas kita semua, sasterawan, selaku pemikir, menyumbang idea ke arah dunia lebih baik, meskipun segala impian ini utopia sifatnya. Sasterawan seharusnya langsung bukan pengkritik terhadap individu, masyarakat atau sesebuah kerajaan, sebaliknya meniru model Nabi, membawa, menyebarkan dan menerangkan kebenaran diyakininya, tanpa mepedulikan keadaan zaman atau kerja orang lain.

Ini jelas. Kebenaran itu diiringi cahaya terang, meskipun fajar lambat menyingsing. Lambat atau tidak, bukan persoalannya. Yang penting, jalannya benar, maksudnya luhur. Atau, kebenaran itu ditamsilkan cahaya yang memikat kelkatu, ia automatik menerangi fikiran masyarakat. Hanya kelkatu buta (manusia buta hati seperti difirmankan Allah swt) yang tidak terpicat pada cahaya.

Jika ini mahu dikaitkan dengan dunia sastera, seorang penulis sepatutnya tidak mengecam dan mencemuh serakusnya keadaan zaman. Seorang sasterawan tidak sepatutnya mencerca karya penulis lain tidak berkualiti dan sebagainya dalam media umum, tambah lagi dalam bahasa kesat dan mengaibkan sesuatu individu.

Idealnya, kita sendiri harus menulis karya yang kita rasakan betul. Kritikan hanya boleh dilakukan jika dalam tulisan perbincangan mencari kebenaran, kerana kesan kritikan buta-tuli itu menyakitkan, lebih lagi ia ditatap bukan saja mangsa kritikan, malah masyarakat umum.

Dan kerja mengkritik, yang secara tidak langsung memalu dan menyakitkan hati di khalayak itu, satu perbuatan hina dan keji pada mata manusia bertamadun, meskipun niatnya membaiki keadaan!

Lafaz seorang pemikir, antara kerja paling mudah dalam dunia ini, mengkritik kerja orang. Mencipta payah, memusnahkannya terlalu mudah. Atau kata Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membina negara itu lamanya beratus tahun, memusnahkannya cukup masanya sehari.

Bayangkan jika dikritik di hadapan umum? Meskipun kritikan itu akhirnya anda akui betul, anda tetap cenderung tak mahu mengakuinya demi menjaga ego. Inilah sebenarnya hasil kritikan digerakkan dalam media yang luas sebarannya kini. Hasilnya tak ada perubahan. Selain masing-masing memanjat benang basah.

Sebenarnya majoriti pengkritik berdalilkan mahu membaiki keadaan ketika bersuara, selain ramai juga pengkritik bekerja sekadar melepas geram, tanpa menyediakan alternatif terbaik. Mereka mahu merombak kekusutan, menjernihkan kekeruhan, sebaliknya jadi tikus membaiki labu.

Apakah kerja mengkritik semberono ini dibenarkan dan halal sebenarnya?

Jika dirujuk dalam agama, maksud atau matlamat tak boleh menghalalkan kaedah. Sesuatu yang dilupakan, untuk merobah keadaan, cara paling ideal atau unggul adalah dengan memberi, menyaran dan menjadi contoh kebaikan itu sendiri.

Mencuri untuk didermakan, seperti Robin Hood, tak dibolehkan dalam agama. Hasrat menderma memang murni, tetapi kaedah mendapatkan duit derma itu harus juga difikirkan. Kembali dalam dunia sastera, mengkritik memang tujuannya baik, tetapi bagaimana kaedah kita mengkritiknya.

Maka di sini, seorang penulis atau pemikir yang baik, dia mesti menjadikan karyanya contoh untuk diikuti. Seorang demi seorang mengikuti atau menerima kesan karyanya, sehinggalah menjadi pihak majoriti, dan pihak majoriti berkualiti biasanya pemenang ke atas minoriti. Suatu masa Nabi saw ditanya, apakah agama? Jawabnya, Akhlak! Baginda ditanya sebanyak tiga kali, dan jawapannya tetap: Akhlak! Jelasnya, masyarakat tak mahu mendengar apa yang kita cakapkan, tetapi melihat perbuatan kita.

Dalam dunia kompetitif ini, yang terkuat adalah pemenang. Ini hukum alam, tak boleh dinafikan. Jika pembawa kebenaran bersifat pasif, ia akan tunduk di bawah kebatilan. Lalu tak ada guna kita melaungkan secara tak langsung karya kita bermutu dengan mengutuk karya individu lain. Maka tak ada gunanya juga mengkritik keadaan semasa.

Jika karya kita berkualiti, ia akan diikuti dan memberi kesan, dan, percayalah, semua karya karut lain akan hilang seperti daun dimamah ulat.

Akhirnya, tugas sasterawan adalah menyebarkan kebenaran diyakininya. Idealnya, seluruh sasterawan haruslah berhenti mencemuh sesama sendiri, masyarakat, negara atau sebagainya. Sebarkan kebenaran dalam karya masing-masing dan dunia pasti akan berubah meski lambat. Satu zarah kebaikan atau kebenaran dilakukan, ia cukup menyumbang satu gegaran maha besar dalam dunia ini akhirnya.

(END)